

23/03/2000

Perbicaraan Anwar hari ini

KUALA LUMPUR, Rabu - Perbicaraan kes liwat membabitkan Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Sukma Darmawan Sasmitaat Madja terhadap Azizan Abu Bakar ditangguhkan sehingga esok.

Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi, Rozilah Salleh membuat pengumuman itu selepas peguam bela dan pendakwa menemui Hakim Datuk Ariffin Jaka dalam kamarnya.

Rozilah tidak memberi sebarang alasan penangguhan itu tetapi peguam bela Anwar, Karpal Singh memberitahu pemberita bahawa beberapa peguam bela Anwar yang lain terbabit dalam kes rayuan peguam Zainur Zakaria.

Hari ini, mahkamah sepatutnya mendengar hujah sama ada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad perlu hadir memberi keterangan pada perbicaraan itu.

Anwar, 52, dan Sukma Darmawan, 39, dituduh meliwat Azizan di unit nombor 10-7-2, pangsapuri Tivoli Villa, Jalan Medang Tanduk, Bangsar, pada satu malam jam 7.45 malam, di antara Januari hingga Mac 1993.

Bagi tuduhan itu, Anwar dan Sukma Darmawan didakwa mengikut mengikut Seksyen 377B Kanun Keseksaan yang boleh membawa hukuman penjara 20 tahun dan sebat, jika sabit kesalahan.

Sukma Darmawan yang dihukum penjara enam bulan pada 19 September 1998 kerana membenarkan Anwar meliwatnya, juga didakwa atas tuduhan bersubahat dengan Anwar melakukan persetubuhan luar tabii dengan Azizan.

Anwar kini menjalani hukuman penjara enam tahun sejak 14 April lalu selepas didapati bersalah atas empat tuduhan melakukan amalan rasuah pada 1997.

(END)